



→ PENCULIKAN

Infografik
4 rakyat Malaysia diculik 1 April lalu dibebaskan di Parang, Sulu, Filipina, pagi semalam



→ Wong Teck Chii



→ Johny Lau



→ Wong Teck Kang



→ Wong Hung Sing

Lokasi 4 mangsa culik dibebaskan di pesisiran Pantai Barangay Lagasan Higat di Parang, Sulu.



Keluarga belum dimaklum mengenai pembebasan

Petra Jaya: "Kami berharap berita pembebasan dua cucu saya benar seperti dilaporkan," kata Wong Lung Sung, 81, datuk kepada dua mangsa culik, Wong Teck Pang, 31, dan Wong Teck Chii, 29.

Lung Sung berkata, dia 'letih' menerima berita yang tidak diketahuinya kesahibannya membabitkan pembebasan dua cucunya, termasuk dua rakan mereka, Johnny Lau Jung Hien, 21, dan Wong Hung Sing, 34.

Keluarga yakin berita benar
 Bagaimanapun, hati kecilnya yakin berita pembebasan semua mangsa culik itu benar kerana ia sudah tersebar di media antarabangsa, walaupun pihak berkuasa Malaysia belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi.

"Kami sekeluarga tidak mendapat maklumat mengenai pembebasan atau lokasi terkini mangsa. Namun, lapan wakil keluarga mangsa kecuali keluarga Hung Sing sudah berada di Sabah sejak dua minggu lalu selepas ada khabar angin tersebar mangsa culik akan dibebaskan dalam masa terdekat.

"Jadi, kami mengharapkan berita mereka dibebaskan sah dan semua mereka berada dalam keadaan selamat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Lung Sung berkata demikian ketika diminta mengulas laporan yang dipetik daripada pihak berkuasa Filipina, mengesahkan bahawa mangsa culik itu telah dibebaskan.

Empat mangsa culik dibebas

➔ Rundingan PDRM, pasukan keselamatan Filipina berhasil selepas 2 bulan ditawan lanun

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Suzianah Jiffar dan Poliana Ronnie Sidom
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Selepas lebih dua bulan dalam tawanan penculik, empat kru kapal warga Malaysia yang dilarikan sekumpulan lelaki bersenjata di perairan Pulau Ligitan berhampiran Semporna pada 1 April lalu, dibebaskan pagi semalam.

Empat warga Malaysia itu adalah adik beradik, Wong Teck Pang, 31, dan Wong Teck Chi, 29;

serta dua lagi, iaitu Wong Hung Song, 34, dan Johnny Lau Jung Hien, 21.

Semua mangsa yang berasal dari Sibu, Sarawak, dikatakan dibebaskan selepas rundingan hasil kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pasukan keselamatan Filipina.

Dibebaskan awal pagi

Difahamkan, semua mangsa dibebaskan awal pagi semalam dan dibawa menaiki bot ke Sandakan.

Jurucakap Western Mindanao Command, Mejar Filemon Tan Jr, berkata semua warga Malaysia terbabit dibawa ke pesisiran pantai Barangay Lagasan Higat di Parang, Sulu.

"Mereka kemudian menaiki bot laju ke Sandakan," katanya menerusi kenyataan yang dihantar menerusi e-mel kepada BH di sini, semalam.

Tan Jr mengesahkan semua mangsa diculik kumpulan Abu Sayyaf diketuai oleh Madjan Sahidjuan @ Apuh Mike yang memintas kapal tunda dinaiki mangsa di perairan Ligitan.

Bagaimanapun, beliau tidak pasti sama ada pembebasan

empat warga Malaysia itu melibatkan pembayaran wang tebusan.

Sementara itu, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Abd Rashid Harun, ketika dihubungi enggan mengulas mengenai pembebasan empat rakyat Malaysia terbabit, sebaliknya memberitahu jika ada perkembangan ia akan diumumkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Khalid pula ketika dihubungi pula enggan membuat sebarang kenyataan.

Semua mangsa diculik dari kapal tunda MV MASSIVE 6 dinaiki mereka yang dalam perjalanan dari Manila ke Tawau kira-kira jam 6.15 petang pada 1 April lalu.

Ketika kejadian, kapal tunda dinaiki mereka bersama enam yang lain dipintas sekumpulan lapan lelaki bersenjata sebelum dilarikan dengan sebuah bot laju ke perairan Filipina.

Bagaimanapun, enam lagi kru, masing-masing tiga warga Myanmar dan tiga Indonesia termasuk, kapten yang turut berada di atas kapal itu dibebaskan.

Kronologi

Penculikan di Sabah

1 April 2016 → 4 mangsa diculik lapan lelaki bersenjata di perairan Pulau Ligitan, dekat Semporna jam 6.15 petang

5 April 2016 → Wisma Putra menghubungi Kerajaan Filipina memohon bantuan membebaskan mangsa

6 April 2016 → Kerajaan Sabah mengambil keputusan menggantung dan menghentikan serta-merta aktiviti tukar barang di ESSZONE

15 Mei 2016 → Polis sahkan empat mangsa selamat dan berunding dengan penculik

8 Jun 2016 → Empat mangsa dibebaskan

ripada pihak berkuasa Filipina, mengesahkan keempat-empat mangsa culik sudah dibebaskan pagi semalam dan kini berada di Sandakan, Sabah.

Difahamkan, keempat-empat mangsa itu dimasukkan ke Hospital Sandakan untuk menerima rawatan lanjut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri James Jemut Masing, berkata lebih baik pihak berkuasa melaksanakan tugas mereka membawa pulang semua mangsa.

"Saya berharap empat mangsa itu disatukan semula dengan keluarga masing-masing," katanya ketika ditemui di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, semalam.



Kami sekeluarga tidak mendapat maklumat mengenai pembebasan atau lokasi terkini mangsa. Namun, lapan wakil keluarga mangsa kecuali keluarga Hung Sing sudah berada di Sabah sejak dua minggu lalu selepas ada khabar angin tersebar mangsa culik akan dibebaskan dalam masa terdekat"

Wong Lung Sung,
Datuk mangsa culik